

07 FEB 2003

Mahathir-Perang/I (Bergambar)

PERANG: MALAYSIA SEDIA HADAPI SENARIO BERBEZA

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Kerajaan telah bersedia menghadapi sebarang senario jika berlakunya perang akibat daripada krisis Iraq, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan telah menyediakan perancangan tetapi belum melaksanakannya memandangkan situasi sekarang tidak memerlukan banyak penyesuaian.

"Jadi apabila ini (perang) berlaku kita boleh menangani (sebarang keadaan)...kerajaan tentunya melihat kepada pelbagai senario jika perang berlaku di Iraq dan kita telah bersedia untuknya," katanya semasa ditanya sejauh mana kerajaan telah bersedia jika perang meletus berikutan krisis Iraq.

Terdahulu Dr Mahathir melancarkan E-Syariah, projek kerajaan elektronik yang ketujuh di bawah aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia. Ia merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang mengintegrasikan semua proses yang terlibat di dalam pengendalian kes-kes mahkamah syariah.

Dr Mahathir berkata jika perang berlaku, akan timbul pelbagai gangguan dalam kehidupan harian dan perniagaan.

"Sebagai contoh pergerakan manusia, orang akan takut untuk terbang (dan) pastinya perdagangan dalam bidang tertentu akan menjadi sukar...kadar insurans juga tinggi.

"(Jadi), kita perlu belajar menerimanya," kata Perdana Menteri.

Iraq kini menghadapi konfrontasi dengan Amerika Syarikat terhadap tuduhan memiliki senjata pemusnah besar-besaran. Baghdad telah menafikan mempunyai senjata sedemikian rupa.

Amerika juga telah berkata ia akan menyerang Iraq dengan atau tanpa kebenaran Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk melucutkan pemilikan senjata Iraq itu.

-- BERNAMA

RV MUN AHH RON